

Siapa lebih jantan?

Ultra kiasu yang selama ini berlagak seperti anak jantan, tiba-tiba hilang kejantannya apabila cabaran berdebat disahut. Tidak semena-mena mahu menjadi moderator pula, hanya mahu bertanyakan soalan. Sekadar moderator, serahkan pada saya sahaja. Tidak perlu bersusah payah.

Bertindaklah seperti anak jantan. Sahut cabaran yang dilontarkan. Janganlah kokok berderai-derai ekor bergelutang tahi. Jika saya menjadi ultra kiasu, saya akan sahut cabaran tokoh tersebut walaupun pencabarnya seorang pendebat. Tidak semestinya pendebat itu hebat. Semuanya bergantung kepada fakta dan angka. Datanglah pendebat hebat mana pun.

Berani kerana benar, takut kerana salah. Dalam perdebatan seperti ini, apa yang dinilai bukan lagi athos, pathos dan logosnya, tetapi hujah dan fakta. Tidak perlu dikorek latar belakang seseorang. Lagipun yang akan mengadili bukan pendebat, tetapi rakyat yang menonton. Kalau tidak mampu berhadapan, tidak perlu mencabar.

Mutakhir ini, ultra kiasu menjadi semakin bongkak apabila berjaya menambah kerusi dalam dua PRU lalu. Apatah lagi berjaya memikat segelintir Melayu celup menyertai



**buka
minda**
RIDHUAN TEE
ABDULLAH

partinya. Hujahnya ini dijaja, kononnya, rakyat sudah menerima mereka sebagai parti berbilang kaum. Sebab itu, mereka begitu yakin laluan ke Putrajaya. Saya harap Melayu lain lebih jantan dalam memilih parti. *Psywar*nya amat jelas.

Mereka tidak akan meletakkan Melayu celup ini bertanding di kawasan majoriti Cina, tetapi di kawasan 50-50, atau 60-40, di kawasan Pas dan Umno. Mudah sungguh Melayu diperalatkan, hanya dengan kerusi, menentang saudara seagama. Siapa lebih jantan?

Itulah Melayu, mudah dibeli dengan wang dan kerusi. Perjuangan agama, bangsa dan negara diletak ke tepi. Kononnya mahu memperjuangkan Islam Melayu melalui ultra kiasu. Apakah perjuangan tersebut dapat dilaksanakan dalam keadaan mereka menentang Islam yang menjadi tonggak negara?

Awal-awal lagi mereka sudah uar-uaran akan bertanding di kawasan Pas, terutama di Selangor, kerana mereka mengimpikan jawatan menteri besar. Inilah ultra kiasu, tidak pernah puas. Terbaharu, protes mereka terhadap RTM agar mengekalkan siaran berita Mandarin waktu perdana jam 8 malam, ekoran masalah mereka timbulkan sendiri.

Dahulu, semua rangkaian TV dan radio diwajibkan menyiarkan berita dalam BM pada waktu perdana. Sekarang ini tidak lagi. Inilah toleransi yang tidak ada tolok bandingnya. Kera di hutan disusukan, anak di rumah mati tak makan.

Tidak sepatutnya berita asing disiarkan pada waktu perdana, selain Bahasa Kebangsaan. Lagipun tidak ramai yang menonton. Pergilah ke rumah-rumah mereka. Lakukanlah kajian. Kebanyakannya menonton siaran Hong Kong dan Taiwan.

Apabila slot tersebut diberikan April 2009, maka bertapaklah mereka. Tidak boleh disentuh lagi. Jika disentuh, maka melompatlah mereka seperti yang sedang berlaku. Saya sudah masak dengan *psywar* mereka, sama ada berada dalam parti pembangkang atau kerajaan.

Selain itu, mereka sedaya upaya mahu menentang Pas keluar dari Exco kerajaan negeri Selangor. Macam-macam cara dilakukan. Mereka ingat negeri Selangor kepunyaan bapaknya. Nasib baik MB agak rasional. Ingat negeri ini bersultan, bukan republik.

Mereka menjadi semakin gila melihat Pas mengeluarkan kenyataan tidak menyokong menolak Bajet 2016, bersedia menjadi penasihat BN. Mereka mempersoalkan

sejak bila Pas menjadi pakar? Apatah lagi pakar ekonomi? Rupanya selama ini mereka memandang rendah kepada Pas, parti pak lebai dan berserban? Tidakkah mereka tahu dalam Pas, selain lebai, Pas tidak kurang profesional, pakar ekonomi, kewangan, nuklear dan lain-lain.

Pas bukan seperti dahulu, meskipun segelintir profesional telah keluar Pas membentuk Parti Amanah Negara (Amanah). Pas bukan seperti Amanah, Pas ada pendidikan, bukan lembu dicucuk hidung. Kematangan Pas berpolitik cukup lama berbanding Amanah. Pas sudah nampak kebobrokan ultra kiasu, berbanding Amanah.

Amanah sangat percayakan ultra kiasu, sehingga sanggup 'membunuh' saudara sendiri, meskipun sebangsa dan seagama. Siapakah yang akan menolong mereka nanti, kalau bukan Umno atau Pas? Lihatlah realiti yang ada, antara sektor swasta dan sektor awam. Siapakah yang lebih terbuka mengambil pekerja bertalian bangsa? Kajian demi kajian dibuat, sektor swasta dan awam yang diterajui Melayu lebih terbuka kepada bukan Melayu berbanding sebaliknya. Contoh, bank-bank, universiti awam-universiti swasta dan lain-lain.

*** Prof Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah,
INSPIRE/PPA, UNISZA**